

01/12/1999

Wanita puas hati calon menang

KUANTAN, Selasa - Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berbangga dengan pencapaian calon wanita Umno yang bertanding dalam pilihan raya umum semalam apabila memenangi sembilan kerusi Parlimen dan 18 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) daripada 11 kerusi Parlimen dan 19 DUN yang dipertandingkan.

Beliau berkata, dua kerusi Parlimen yang gagal direbut Barisan Nasional (BN) membabitkan Zaleha Hussin bagi Parlimen Kubang Kerian dan Ilani Isahak (Kota Bharu) manakala DUN pula Siti Meriam Salleh, di Belantek, Kedah.

Menurutnya, kejayaan calon Wanita Umno itu membuktikan prestasi mereka cukup membanggakan sehingga mampu mencabar calon parti pembangkang dalam suasana pilihan raya yang sangat mencabar tahun ini, berikutan pembangkang menggunakan isu nasional bagi meraih undi.

Katanya, kemampuan Wanita semakin bermakna apabila BN mampu menebus kembali kekalahan di Parlimen Arau menerusi calonnya, Mastika Junaidah Husin, dan ini membuktikan calon turut menentukan kejayaan untuk merampas kerusi daripada pembangkang.

"Kejayaan Wanita pada pilihan raya kali ini sebagai membalas amanah yang diberikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sedia menambah kerusi bagi Wanita bertanding, iaitu tambahan empat kerusi Parlimen, berbanding tujuh kerusi yang diperuntukkan pada 1995.

"Berdasarkan keputusan, walaupun kita tewas dua kerusi Parlimen tetapi kita kini memiliki dua tambahan kerusi Parlimen berbanding pilihan raya lalu.

"Secara keseluruhan, saya sangat berbangga dengan keputusan yang membuktikan prestasi calon wanita dalam pilihan raya ke-10 ini," katanya ketika dihubungi Berita Harian di sini, hari ini.

Pada pilihan raya 1995, Wanita Umno memenangi semua tujuh kerusi yang diperuntukkan kepada mereka tetapi tewas dua daripada 21 kerusi DUN yang dipertandingkan.

Di IPOH, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, penurunan majoriti yang diperolehi BN menunjukkan parti berkenaan perlu bekerja keras bagi memberi penerangan kepada rakyat untuk memulihkan keadaan.

Menurutnya, tumpuan penerangan itu perlu diberikan kepada golongan muda yang terbukti tidak berpandangan jauh dan terlalu mengikut emosi ketika membuat pilihan.

"Kita perlu memberi penerangan kepada anak muda bagaimana mereka harus berpandangan jauh dan jangan mengikut emosi dengan menukar corak serta haluan politik.

"Ini kerana dalam jangka masa panjang akan memberi kesan negatif kepada mereka sendiri," katanya di sini, semalam.

Rafidah berkata, antara punca kekurangan majoriti BN itu ialah penggunaan ramai orang luar untuk berkempen oleh pembangkang, terutama penuntut universiti, termasuk Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

Menurutnya, kedatangan pelajar terbabit dari rumah ke rumah bukan membawa cerita pembangunan, tetapi pendekatan beremosi.

Bagaimanapun, beliau gembira dengan kemenangan undi majoriti dua pertiga BN.

(END)